

29 FEB 1996

Mahathir-Jelajah

PM HARAP JELAJAH LANGKAWI AKAN DATANG DAPAT RAMAI PENAJA

LANGKAWI, 29 Feb (bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kejohanan Lumba Basikal Jelajah Langkawi akan mendapat lebih banyak lagi penaja pada masa akan datang.

Beliau berkata acara itu, yang diharap dapat menandingi kehebatan "Tour de France" memang memerlukan perbelanjaan yang besar.

"Acara seperti ini berbeza sedikit kerana para penonton tidak dikenakan sebarang bayaran. Oleh itu penaja amat mustahak kerana ia bukanlah kejohanan yang murah," katanya pada persidangan akhbar selepas permulaan perlumbaan 11 hari itu yang disertai 138 penunggang dari seluruh dunia.

Beliau berkata untuk menganjurkan kejohanan yang pertama ini sahaja memerlukan perbelanjaan hampir RM8 juta.

"Dan dengan harapan ia dapat menjadi acara tahunan, sokongan penaja tidak dapat tidak amat diperlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata penaja pula akan mendapat pulangan menerusi publisiti dan kejayaan menganjurkan perlumbaan itu sekali gus akan memperkenalkan lagi Malaysia.

Apabila ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan sambutan penaja untuk kejohanan pertama itu, Perdana Menteri berkata; "Saya dekat-dekat nak gembira tapi nampaknya pengajur tidak begitu seronok sebab tidak cukup duit."

Dr Mahathir berkata Jelajah Langkawi itu dianjurkan bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan, sebaliknya untuk memperkenalkan lagi Malaysia.

"Walaupun pada mulanya kita merancang agar acara ini hanya membabitkan perlumbaan mengelilingi Langkawi tapi dengan penglibatan badan antarabangsa, ia menjadi satu acara besar.

"Ia sudah menjadi satu acara bertaraf antarabangsa. Perlumbaan seumpama ini hanya ada tiga sahaja di dunia termasuk Tour de France yang telah berusia lebih 100 tahun dan satu lagi di Amerika Syarikat," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau yakin acara itu yang akan membawa penunggang ke seluruh Semenanjung akan menjadi menarik sebagaimana Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima). -- BERNAMA

ZAA NMO